

Belanjawan rakyat, antara terbaik pernah dibentang

24 Oct 09

Sumber: Berita Harian

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Bajet 2010 adalah belanjawan rakyat dan antara terbaik yang pernah dibentang kerana mencakupi semua sektor yang membabitkan semua lapisan masyarakat pada peringkat akar umbi.

Timbalan Perdana Menteri yakin belanjawan itu akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi antara enam hingga tujuh peratus dalam tempoh setahun, selain mengurangkan defisit yang kini mencecah tujuh peratus.

Ia juga menjadi asas penting untuk negara membentuk model ekonomi baru berteraskan inovasi dan kreativiti bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pada tahun depan.

"Perdana Menteri mengambil langkah berani mengadakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh ekonomi negara untuk jangka panjang juga wajar dipuji. Rakyat akan rasa ini adalah belanjawan rakyat kerana mencakupi semua sektor, menyentuh hati nurani semua peringkat sama ada miskin atau tidak, semua akan dapat faedah.

"Defisit yang kita lihat kini agak besar iaitu tujuh peratus dan boleh dikurangkan dalam situasi ekonomi yang agak mencabar. Inisiatif yang diambil dalam mengurus belanjawan ini adalah penting dan kita yakin rakyat akan dapat faedah," katanya.

Muhyiddin berkata belanjawan itu akan memberi ruang kepada usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat menerusi pakej rangsangan dan usaha meningkatkan pelaburan yang memberi peluang pekerjaan kepada lebih ramai rakyat.

Beliau menjangkakan dengan pelbagai inisiatif termasuk pelaburan dalam bidang infrastruktur di bandar dan luar bandar akan membolehkan ekonomi terus berkembang pada tahun depan.

"Ekonomi akan lebih cerah dengan kadar pertumbuhan positif tiga peratus berbanding negatif tiga peratus yang kita lihat hari ini .

"Ini juga akan memberi ruang kepada rakyat yang bekerja untuk menambah pendapatan boleh guna umpamanya menerusi pemberian tunai RM1,000 di samping kelompok tertentu yang menerima subsidi termasuk sektor pertanian," katanya.

Muhyiddin berkata empat komponen kecil Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) juga akan diberi tumpuan terutama dalam bidang pendidikan prasekolah yang akan menjadi sebahagian dasar atau sistem pendidikan negara.

Di samping itu, kementerian akan memastikan murid Tahun Tiga dapat menguasai bidang literasi dan numerasi 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta mewujudkan sekolah berprestasi tinggi.

"Sebanyak 20 sekolah berprestasi tinggi dilaksanakan tahun depan dan kita akan tingkatkan sampai 100 sekolah. Begitu juga perjanjian baru untuk guru besar dan pengetua yang meningkatkan keupayaan

pada peringkat sekolah akan dinilai dan diberikan insentif apabila mencapai tahap cemerlang bagi menghargai jasa mereka," katanya.